



BORANG PERTANDINGAN FOTOGRAFI

PL 2 Dekad

TEMPOH PERTANDINGAN

12 - 13 OGOS 2022

PENJURIAN

1 SEPTEMBER 2022

PENYAMPAIAN HADIAH

3 SEPTEMBER 2022



PERTANDINGAN FOTOGRAFI

BORANG PERTANDINGAN

TEMA PERTANDINGAN : “GAYA HIDUP WARGA WP LABUAN”

Nama : _____

No. K/P : _____

Umur : _____

Jantina : _____

Bangsa : _____

Pekerjaan : _____

Syarikat / Organisasi : _____

Alamat : _____

No. Telefon : _____

E-mail : _____

Tajuk : _____

Lokasi Gambar : _____

Tarikh : _____

Masa : _____

Jenis Kamera / Lensa : _____

Penerangan Gambar : _____

Saya mengaku maklumat di atas adalah benar dan pihak urusetia pertandingan berhak untuk membatalkan penyertaan saya sekiranya ada maklumat yang tidak benar dan mencurigakan.

Tandatangan

Tarikh

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.
2. Penyertaan adalah percuma dan jumlah penyertaan adalah terhad. Peserta yang menghantar penyertaan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
3. Peserta boleh menghantar minima satu foto dan maksima 5 foto untuk pertandingan ini.
4. Foto mestilah menggunakan format digital dan perlu dicetak bersaiz 8R dan beresolusi tidak kurang dari 300 dpi.
5. Peserta hendaklah menggunakan kamera digital (DSLR) dan kamera *mirrorless* sahaja. Penggunaan kamera telefon bimbit, tablet dan drone adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Gambar yang dipertandingkan hendaklah dirakamkan pada tahun 2022 sahaja. Gambar yang pernah dipertandingkan, diterbitkan, dimuatnaik dan memenangi mana-mana pertandingan di platform media sosial / media cetak adalah tidak **TIDAK DIBENARKAN**.
7. Pihak penganjur mempunyai hak eksklusif untuk mencuci semula, menerbitkan dan mempamerkan gambar tersebut berserta maklumat yang diberikan. Setiap gambar mesti disertakan dengan tajuk dan penulisan ringkas mengenai gambar yang diambil.
8. Teknik mengambil adalah bebas. Teknik *super-imposed* tidak diterima. Gambar komposit, gambar helah, atau apa sahaja imej digital atau manipulasi juga tidak diterima. Peserta hanya dibenarkan untuk melakukan perapian imej seperti memotong,imbangan cahaya dan warna serta menghalusi dan menajamkan imej sahaja.
9. Peserta perlu mencetak gambar (hardcopy) dan menghantar gambar tersebut berserta ke Jabatan Hal Ehwal Korporat Perbadanan Labuan. Gambar softcopy perlu diemelkan ke corporate.affairs@gmail.com dalam format JPEG.
10. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan, tersilap hantar atau penyertaan yang hilang.
11. Hadiah yang tidak dituntut selepas satu bulan dari keputusan diumumkan akan ditarik balik.
12. Dengan menyertai pertandingan ini peserta bersetuju untuk mematuhi segala keputusan yang ditetapkan.
13. Semua penyertaan mestilah asli, merupakan idea sendiri dan tidak mengandungi elemen pengubahsuaian. Pengubahsuaian gambar atau sebarang penggunaan plagiat, tiruan, unsur-unsur penipuan adalah **TIDAK DI BENARKAN** sama sekali.
14. Pihak penganjur berhak untuk menolak penyertaan atau menarik balik hadiah yang diberikan sekiranya didapati hasil karya adalah tidak asli. Penyertaan akan dibatalkan jika didapati peserta melanggar salah satu syarat yang ditetapkan walaupun pengumuman peserta pemenang sudah dilakukan.
15. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya di mana gambar-gambar adalah tidak melanggar hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak-hak harta / privasi / publisiti / intelek mana-mana individu atau entity dan pihak lain yang mempunyai apa-apa hak, hakmilik, tuntutan atau kepentingan dalam gambar tersebut.
16. Peserta harus memohon kebenaran daripada pihak tertentu dan semua orang yang muncul dalam karya yang dikemukakan dan individu tersebut tidak boleh membuat

tuntutan daripada penganjur sekiranya gambar-gambar tersebut digunakan dalam mana-mana media pada masa kini dan akan datang tanpa sekatan, termasuk tujuan komersial serta tidak terhad kepada penerbitan editorial penganjur, siaran akhbar, pemasaran, pengiklanan, komersial, percetakan dan promosi.

17. Peserta mempunyai hakcipta terhadap gambar yang dipertandingkan dan memberi hak eksklusif kepada penganjur untuk mencuci semula, menerbitkan dan mempamerkan gambar tersebut berserta maklumat yang disertakan.
18. Semua pemenang akan dihubungi oleh pihak penganjur dan nama pemenang akan di maklumkan kelak.
19. Setiap penyertaan bermakna peserta telah membaca dan bersetuju dengan terma dan syarat pertandingan yang ditetapkan.
20. Keputusan panel hakim professional bebas yang di lantik oleh pihak penganjur adalah muktamad. Penilaian dan penghakiman adalah berasaskan pematuhan syarat-syarat pertandingan seperti yang digariskan. Sebarang bantahan, tuntutan atau surat menyurat tidak akan di layan.
21. Setiap penyertaan yang tidak mematuhi syarat tidak akan dinilai dan boleh disingkirkan daripada penyertaan.
22. Gambar pertandingan akan dinilai berdasarkan komposisi, keaslian, kreativiti dan aplikasi Teknik fotografi yang terbaik.
23. Setiap gambar yang dikemukakan untuk pertandingan ini tidak akan dikembalikan.
24. Gambar-gambar yang memenangi pertandingan tidak boleh digunakan semula oleh peserta untuk sebarang aktiviti komersial dan lain-lain pertandingan.
25. Sebarang kecelakaan / kemalangan / kecederaan semasa mengambil gambar adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri.
26. Setiap peserta yang menyertai pertandingan ini akan menerima sijil penyertaan.
27. Semua gambar peserta yang menyertai pertandingan ini akan dipamerkan semasa acara HBPPL 2022.

TEMA

Tema Pertandingan : “Gaya Hidup Warga WP Labuan”

Gaya Hidup : Menggambarkan keceriaan dan kemakmuran warga WP Labuan yang mengisarkan kehidupan dan aktiviti harian yang dilakukan oleh Warga WP Labuan. Ini merangkumi aktiviti riadah, rekreasi, warisan, sosio ekonomi dan kehidupan seharian yang sepunya (*mutual*) warga WP Labuan.

Gambar : Para peserta bebas menggunakan kreativiti masing-masing dalam membuat penyampaian gambar.

TARIKH TUTUP

Tarikh Tutup : 31 Ogos 2022

HADIAH

**JOHAN
RM500.00 BERSERTA SIJIL**

**NAIB JOHAN
RM300.00 BERSERTA SIJIL**

**KETIGA
RM250.00 BERSERTA SIJIL**

**KEEMPAT & KELIMA
RM100.00 BERSERTA SIJIL**